

# Warta Warisan

ورتا واریشن




Majlis Perbandaran Klang

Bil. 10/2022

Jilid 2

Oktober 2022

Naskah Percuma



## Pemeriksaan Tapak Warisan Daerah Klang oleh JWN

Klang, 4 Oktober 2022 – Jabatan Warisan Negara (JWN) Zon Tengah daripada Galeri Arkeologi Lembah Lenggong telah melakukan pemeriksaan tahunan tapak-tapak warisan di Klang dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) serta MPK.

JWN Zon Tengah diwakili Penolong Kurator, Mohd Hasry bin Ab Samad dan Pembantu Muzium, Supian bin Sharizat; PADAT diwakili Pembantu Muzium, Nor Akmal bin Omar manakala MPK diwakili Kurator, Faisal bin Dato' Haji Surani.

(bersambung ke muka surat 3)



Klang, 25 Oktober 2022 - Mesyuarat Jaringan Kerjasama Antarabangsa secara atas talian bagi membincangkan Projek Penjenamaan Semula Bandar Warisan Pintar Klang (*Rejunavation Of Klang Smart Heritage City*) antara MPK dengan Perbadanan Infrastruktur & Pembangunan Bandar Luar Negara Korea (KIND) serta Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan (MOLIT) Korea Selatan.

Mesyuarat telah dipengerusikan YDP MPK, TPr. Hajah Noraini Roslan.



# Kandungan

## Berita

Pemeriksaan Tapak Warisan Daerah Klang	3
Pertandingan Berbalas Pantun Pantunvaganza	4
Mantan Orang Besar Klang Meninggal	6
Senarai Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang & Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat	7
Legasi Dato' Dagang Klang Haji Muhd Tahir	8
Lawatan Kajian Pelan Induk Perancangan Sumber Jaya Lanskap Pulau Indah UIAM	10
Persidangan Antarabangsa Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (ICICH 2022)	11
Karnival Jelajah Iltizam Selangor Penyayang	12
Anugerah Inovasi Antarabangsa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGIIA) 2022	14
Lawatan Jejak Warisan Klang	15
Pelbagai Berita Ringkas	16

## Laman Jawi

Surat Tengku Panglima Besar Selangor kepada Francis Light	19
---	----

## Kenali Warisan

Tafsiran Bidang Warisan	20
-------------------------	----

# Sidang Redaksi

## Penaung

YBrs. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.



## Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Nor Haslinah binti Mohamed Jaafar

## Kurator / Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

## Penolong Kurator / Pengarang / Pembantu Tadbir

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

## Pelatih Penyelidik dan Penulis Sejarah

Muhammad Ikhwan bin Wahidon

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

*Bulan Oktober menyaksikan pelbagai program berkait dengan warisan diadakan, daripada pemeriksaan tapak warisan tahunan serta penganjuran Persidangan Antarabangsa Warisan Kebudayaan Tidak Ketara oleh Jabatan Warisan Negara hingga penganjuran pertandingan berbalas pantun oleh MPK.*

*Bulan ini juga merupakan tempoh dukacita bagi saya kerana kembalinya ayahanda saya ke rahmatullah. Beliau merupakan mantan Dato' Kaya Maha Bijaya Klang ke-11, pemegang jawatan pusaka turun temurun Orang Besar Daerah Klang yang juga merupakan salah satu jawatan bertaraf Orang Besar Empat Negeri Selangor yang dipanggil Dato' Besar Empat Suku Negeri Selangor.*

*Sedikit catatan ringkas tentang sejarah dan senarai pemegang Pembesar Klang iaitu Dato' Kaya Klang dan Dato' Engku Klang dipaparkan dalam edisi Warta Warisan MPK bulan ini sebagai maklumat berguna kepada warga Klang, khasnya generasi muda hari ini.*

*Satu segmen baru, Legasi Klang, turut diperkenalkan pada edisi bulan ini dan dinukilkan oleh seorang pelajar pelatih industri dari Universiti Malaya.*

*Tahniah buat MPK kerana berhasil mendapat Anugerah Emas pada acara Anugerah Inovasi Antarabangsa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGIIA) 2022 dengan projek bertajuk Royal Klang Smart Heritage City.*

*Kepada pengikut Hindu, Sidang Redaksi mengucapkan Selamat Deepavali.*

*Faisal bin Dato' Haji Surani  
Kurator*

**Tinta Pena  
Kurator**

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh

Pusat Sumber MPK,  
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,  
Lot 175 Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.


Warta Warisan MPK Online  
<https://www.mpklang.gov.my/ms/warta-warisan>

Kurator: +603 33758080  
Pusat Sumber: +603 33758006  
Faks: +603 33731978

(dari muka surat 1)

Usaha ini bertujuan untuk mengenal pasti status tapak-tapak warisan dan perkembangan warisan bagi menggalakkan budaya penyelidikan dan analisis tentang khazanah warisan negara selain menjadi rujukan bagi pelaksanaan kerja-kerja konservasi pada masa akan datang.

Lawatan ini merupakan pemeriksaan tahunan yang dijalankan oleh JWN ke atas tanah yang ditetapkan sebagai tapak warisan. Pemeriksaan berkenaan dijalankan di tapak-tapak warisan di daerah Klang, Selangor di bawah seksyen 39, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) iaitu melibatkan Masjid Diraja Sultan Suleiman, Gedung Raja Abdullah dan Kota Raja Mahadi.



Laporan dan foto:  
Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza






Klang, 18 Oktober 2022 – Orang Besar Daerah Klang, Yang Dihormatkan Dato’ Orang Kaya Maha Bijaya Klang, Dato’ Mohammed Kushrin Haji Munawi, pagi ini merasmikan Pertandingan Berbalas Pantun Peringkat Majlis Perbandaran Klang bertempat di Dewan Hamzah.

Pertandingan ini adalah bersempena dengan sambutan Ulang Tahun ke-132 Majlis Perbandaran Klang bagi menyemai semangat dan kecintaan warga MPK terhadap warisan agar tidak ditelan zaman.

Penyertaan berbalas PantunVaganza pada kali ini bukan sahaja terbuka kepada warga MPK namun turut mendapat penyertaan daripada sekolah-sekolah luar.

Johan pertandingan berbalas PantunVaganza MPK pada tahun ini dirangkul oleh SMK Zon R1 Wangsa Maju A manakala SMK Zon R1 Wangsa Maju B mendapat Naib Johan. Jabatan Undang-Undang MPK pula telah memenangi tempat ke-3 bagi pertandingan berbalas PantunVaganza tahun ini.





## Pertandingan Pantunvaganza Sempena Ulang Tahun ke-132 Majlis Perbandaran Klang



## Takziah

*Shah Alam, 1 Oktober 2022* – Ayahanda Kurator MPK, Dato' Haji Surani bin Dato' Kaya Haji Abdul Hamid, meninggal dunia akibat jangkitan kuman dan kencing manis. Menurut Kurator MPK, Faisal Surani, Allahyarham yang dimasukkan ke hospital sejak bulan Jun lalu telah menghembuskan nafas terakhirnya jam 1.56 petang tadi di Hospital Shah Alam.

Allahyarham merupakan Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang ke-11 telah mewarisi jawatan tersebut daripada ayahanda beliau, Dato' Kaya Haji Abdul Hamid bin Dato' Kaya Baduk, Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang ke-10. Allahyarham meninggalkan seorang isteri, Datin Hajah Rugayah binti Haji Abdul Molok, lima anak serta tiga cucu.

Jenazah Allahyarham akan disemadikan di Tanah Perkuburan Islam *Raudhatul Sa'adah* Kampung Johan Setia selepas solat Asar. Mengikut adat Dato' Kaya Klang turun temurun, Klang akan berkabung selama 7 hari dan bendera dikibar separuh tiang sepanjang tempoh tersebut.

### Sejarah Ringkas Jawatan Dato' Kaya Klang

*Klang, 7 Oktober 2022* – Selain kalangan orang-orang tua di Klang, ramai di kalangan generasi muda sekarang tidak tahu kisah tentang jawatan Orang Besar Daerah Klang.

Dato' Kaya Klang merupakan salah seorang daripada dua pemerintah asal negeri Klang (Selangor pada hari ini) di samping Dato' Engku Klang. Kedua-dua pemerintah tradisional Klang ini adalah institusi pemerintahan tertua yang masih wujud di negeri Selangor pada hari ini dan telah memerintah Klang secara bersama-sama mengantikan keluarga Bendahara Tun Perak.

Sewaktu pemerintahan Kerajaan Johor Lama, beberapa pembesar telah dihantar ke tempat-tempat yang berada di bawah naungannya termasuklah Klang. Di Klang, Dato' Engku telah dilantik sebagai Wakil Sultan Johor Lama dan pada masa yang sama, Kerajaan Pagaruyung Alam Minangkabau juga menghantar wakilnya ke Klang, iaitu Dato' Tujuh Lekek Dato' Bendahara Kuning Lima Kaum iaitu anak kepada Dato' Bendahara Putih Tuanku Titah Sungai Tarab, Besar Empat Balai Minangkabau.

Hubungan baik antara Kerajaan Johor Lama dan Kerajaan Pagaruyung serta kawasan Klang yang besar, membolehkan kedua-dua Dato' Engku dan Dato' Bendahara Kuning bersepakat dan memerintah Klang secara bersama. Dato' Kaya Klang memerintah kawasan pantai Klang dari penghabisan surut air laut hingga penghabisan



pasang Sungai Klang di pertemuan Sungai Pencala dengan Sungai Klang manakala dari penghabisan pasang Sungai Klang hingga Air Meleleh di Titiwangsa merupakan hak Dato' Engku Klang.

Kuasa pemerintahan ini dilambangkan dengan alat kebesaran iaitu Merak Mas di mana satu disimpan oleh Dato' Engku Klang dan satu lagi dipegang oleh Dato' Bendahara Kuning Klang. Sejak itu Klang menjadi salah satu negeri Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu yang dikenali sebagai Negeri Yang Sembilan.

Keturunan Dato' Engku Klang pada hari ini menjadi Orang Besar Daerah Hulu Langat sekarang manakala keturunan Dato' Bendahara Kuning pula memegang jawatan Orang Besar Daerah Klang turun temurun dan dipanggil sebagai Orang Kaya Klang kerana berpangkat Bendahara mengikut adat diraja Kesultanan Melaka dan Kerajaan Johor Lama. Di kalangan Pembesar negeri Selangor, hanya Klang sahaja yang menggunakan gelaran 'Orang Kaya' sehinggalah tahun 1928 apabila Sultan Ala'eddin Suleiman Shah mengurniakan gelaran Orang Kaya kepada semua Orang Besar Daerah.

Mengikut adat, gelaran penuh jawatan pusaka Pembesar Klang yang juga Dato' Besar Empat Suku Selangor adalah Dato' Bendahara Kuning (*diikuti gelar diri*) Orang Kaya Klang; waris jawatan Orang Kaya Kecil manakala pemangku pula diberi gelaran Dato' Setia Diraja .

# Senarai Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Klang dan Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat

Dato' Tujuh Lekek  
Dato' Bendahara Kuning Lima Kaum  
Orang Kaya Klang 1

Dato' Dua Lekek @ Dato' Kaya Kechil  
Dato' Bendahara Kuning Nan Ketek  
Orang Kaya Klang 2

Dato' Bendahara Agor @ Dato' Kaya Gemok  
Orang Kaya Klang 3

Dato' Penghulu Kasim  
Penghulu Klang 4 (tidak bergelar kerana cacat)

Dato' Kaya Adam  
Orang Kaya Klang 5

Dato' Kaya Hussin  
Orang Kaya Klang 6

Dato' Kaya Hassan Bandaro Batubaro  
Orang Kaya Klang 7

Dato' Kaya Mohd Ali  
Orang Kaya Klang 8

Dato' Kaya Baduk  
Orang Kaya Klang 9

*Dato' Setia Diraja Abdul Razak Haji Abdul Ghani*  
*Dato' Setia 1*

Dato' Kaya Haji Abdul Hamid  
Orang Kaya Maha Bijaya Klang 10

*Raja Sulaiman Raja Haji Bot*  
*Engku Setia 2*

*Tengku Zainor Rashid Sultan Alaeddin Suleiman*  
*Tengku Setia 3*

Dato' Haji Surani  
Orang Kaya Maha Bijaya Klang 11

*Dato' Setia Diraja Abdul Ghani Pateh Akhir*  
*Dato' Setia 4*

*Dato' Setia Haji Mohammed Khusrin Haji Munawi*  
*Dato' Setia 5*



Dato' Engku Klang

Dato' Engku Pinang Tunggal  
Dato' Engku Klang 1

Dato' Engku Kampung Pinang  
Dato' Engku Klang 2

Dato' Engku Penaga  
Dato' Engku Klang 3

Dato' Engku Naga Mengulor  
Dato' Engku Klang 4

Dato' Engku Berhala  
Dato' Engku Klang 5

Dato' Engku Tempoh  
Dato' Engku Klang 6

Dato' Engku Jaafar  
Dato' Engku Klang 7

Dato' Engku Kaluk  
Dato' Engku Klang 8

Dato' Engku Muhammad Tahir  
Dato' Engku Klang 9

Dato' Engku Shamsuddin  
Dato' Engku Hulu Langat 10

Dato' Engku Abdul Rani  
Dato' Engku Hulu Langat 11

Dato' Engku Abdul Jalil  
Dato' Engku Hulu Langat 12



# LEGASI DATO' DAGANG KLANG HAJI MUHAMMAD TAHIR

IKHWAN WAHIDON

*Klang, 19 Oktober 2022 – Menelusuri Jalan Kota Raja pasti akan melihat sebuah masjid dengan seni bina bumbung berlapis yang terletak di simpang empat Kampung Jawa.*

Masjid yang diberi nama Masjid Dato' Dagang dibina secara bergotong-royong di atas tanah yang diwakafkan oleh Dato' Dagang.

Apa yang lebih menarik tentang masjid ini adalah binaan makam seakan Taj Mahal kecil berwarna kuning dan berkubah hijau yang terletak di hadapan mimbar utama masjid.

Binaan tersebut merupakan makam Dato' Dagang Haji Mohammad Tahir @ Nonggok bin Haji Mahmud yang telah meninggal dunia pada hari Sabtu, 15 Syaaban 1339 bersamaan 23 April 1921.

Masjid ini merupakan masjid tertua di Selangor yang masih berdiri dan dibina pada penghujung abad ke-19.





Menurut Encik Musharaf Mazlan, waris generasi keempat Dato' Dagang, binaan asal masjid yang masih kekal sehingga ke hari ini adalah empat tiang besar utama yang terletak di dalam dewan solat.

Sebatang kayu bertulisan jawi yang dikatakan sebagai cerucuk asal masjid turut disimpan oleh Encik Musharaf.



Namun begitu, terdapat seorang waris Dato' Dagang yang memegang jawatan penting dalam pentadbiran Selangor iaitu Allahyarham Dato' Abu Sujak Mahmud, Dato' Bandar Shah Alam (2000-2002), Timbalan Menteri Besar Selangor (1989-1990).



Allahyarham  
Dato' Haji Abu  
Sujak Haji Mahmud

Encik Amir Abdullah, mantan Ketua Kampung Jawa dan waris generasi ketiga memberitahu, Dato' Dagang menerima tanah seluas satu batu persegi atas jasa beliau dalam Perang Klang. Tanah tersebut bermula dari Stesen Kereta Api Klang sehingga Jalan Raja Nong.

Walaupun Dato' Dagang terkenal dengan aktiviti pertanian, namun tiada seorang pun waris beliau yang mengikuti jejak langkahnya.



## Lawatan Kajian Pelan Induk Perancangan Sumber Jaya Landskap Pulau Indah

*Klang, 28 Oktober 2022 – Satu sesi taklimat lawatan kajian oleh Kulliyah Seni Bina & Reka Bentuk Alam Sekitar (KAED), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bagi Kajian Induk Perancangan Sumber Jaya Landskap di Pulau Indah telah diadakan di Central Spectrum (M) Sdn Bhd, Pulau Indah.*

Program usaha sama UIAM bersama Majlis Perbandaran Klang dan Central Spectrum (M) Sdn. Bhd, Pulau Indah ini disertai oleh pelajar-pelajar dari universiti berkenaan yang diketuai oleh Profesor Madya Ts. Dr. Izawati Tukiman, Prof Madya LAr. Dr. Mohd Ramzi Mohd Hussin dan Profesor Madya Dr. Zainul Mukrim Baharuddin.

*Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza*



Delegasi dari UIAM ini bertujuan menjalankan aktiviti pencerapan tapak kajian, soal selidik dan temu bual bersama-sama penduduk setempat yang meliputi kawasan Taman Laguna, perkampungan orang asli Mahmeri, Jeti Teluk Nipah, Jeti Sungai Kembung, sebahagian dari perkampungan tradisional, sekitar kawasan Pulau Indah Industrial Park (PIIP) dan Pelabuhan Barat.



Kuala Lumpur, 28 Oktober 2022 – Buat julung kalinya, Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Pejabat UNESCO Jakarta dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Warisan Kebudayaan Tidak Ketara (ICICH) 2022 secara dalam talian dari 26 hingga 28 Oktober 2022.

Seramai 21 orang pakar warisan yang terdiri daripada 9 orang dari Malaysia dan 12 orang dari luar negara telah sudi berkongsi pengalaman, metodologi serta kemahiran masing-masing pada persidangan ini.

Objektif persidangan adalah untuk mengenal pasti hala tuju penyelidikan masa depan warisan tidak ketara di samping membina jalinan serta meneroka peluang kerjasama di kalangan ahli-ahli ICICH, pentadbir, penyelidik dan pemegang taruh warisan tidak ketara di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada tahun ini tema ICICH 2022 adalah Langkah-langkah dan Amalan-amalan Perlindungan Yang Baik yang bertujuan untuk memaklumkan para peserta, pakar-pakar warisan tentang langkah serta amalan perlindungan warisan tidak ketara mutakhir.

# ICICH 2022

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE**

**Theme: Good Safeguarding Measures and Practices**

**26<sup>th</sup> - 28<sup>th</sup> OCTOBER 2022**

**PARTICIPATING COUNTRIES :**

**STRATEGIC PARTNERS :**

**Jabatanwarisannegara** **Heritage TV** **JWNinfo**

<https://www.heritage.gov.my>



**MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE  
DEPARTMENT OF NATIONAL HERITAGE** **unesco** **Universiti Malaysia KELANTAN**

## INTERNATIONAL CONFERENCE ON INTANGIBLE CULTURAL HERITAGE 2022

**MALAYSIA AND THE 2003 CONVENTION**

- Ratified the Convention in July 2013
- 6 elements inscribed on the Representative List between 2008-21
- Committee Member - 2022-2026



Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

## Karnival Jelajah Iltizam Selangor Penyayang

*Klang, 22 Oktober 2022 – Menteri Besar Selangor, Dato’ Amirudin Shari telah merasmikan karnival Jelajah Iltizam Selangor Penyayang (ISP) yang berlangsung pada 22 hingga 23 Oktober bertempat di Stadium Sultan Suleiman.*

Karnival yang membawa tema ‘Membina Keluarga Penyayang’ turut menyajikan pelbagai acara menarik antaranya Selangor Saring, Jualan Ehsan Rakyat, pameran, persembahan artis, sukan rakyat, sukaneka dan banyak lagi aktiviti menarik yang ditawarkan.

Karnival ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri bagi mempromosikan kebajikan kepada rakyat di negeri Selangor terutama di peringkat daerah Klang.

Majlis Perbandaran Klang telah membuka tiga reruui yang terdiri daripada pameran Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang dan Klang Ke Arah Bandaraya Diraja, rangkaian internet TM 5G serta pameran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) MPK dan Pusat Kaunseling Selangor.



# Pameran Majlis Perbandaran Klang



Laporan:  
Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza



Reaksi Menteri Besar Selangor ketika melawat keruangan pameran MPK yang bertemakan warisan



Pengurus TM Selangor, Tuan Azrin Aris menerangkan penggunaan teknologi 5G dalam aplikasi Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang kepada Menteri Besar Selangor



Penyampaian cenderahati kepada Menteri Besar Selangor oleh YDP MPK



## Sustainable Development Goals International Innovation Awards (SDGIIA) 2022

Klang, 21 Oktober 2022 – Jabatan Perancang Bandar & Desa MPK hari ini berjaya mendapat Anugerah Emas pada acara Anugerah Inovasi Antarabangsa Matlamat Pembangunan Mampan (SDGIIA) 2022 dengan projek bertajuk *Royal Klang Smart Heritage City*.

Bandaraya Warisan Pintar Diraja Klang merangkumi kawasan Pekan Lama Klang yang terletak di bahagian Klang selatan, termasuk pusat perniagaan, kawasan istana, tapak warisan dan pusat keagamaan.



Projek ini bertujuan memenuhi tanggungjawab memelihara aset warisan dan keperluan teknologi semasa. Bagi tujuan itu sebuah pangkalan data *Green Earth System* (GES) MPKlang (Warisan & Pemuliharaan) telah dibangunkan yang boleh memantau status semasa aset dan maklumat warisan di Klang.



Pada masa yang sama sistem ini juga boleh mengira jumlah pelepasan karbon untuk memastikan pengurusan 17 SDG akan dilaksanakan secara berterusan.

Anugerah ini adalah salah satu program pada acara yang diadakan secara dalam talian yang diadakan bersempena dengan Expo Teknologi Malaysia 2022.

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**

Heritage & Conservation

9) TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI BANDAR WARISAN

**TEMPAT-TEMPAT MENARIK DI BANDAR WARISAN**

BANDAR KLANG, merupakan sebuah bandar yang agak pesat membangun. Klang adalah merupakan sebuah bandar yang pernah menjadi sebagai pusat pentadbiran ibu negeri Selangor dan pusat kesultanan Selangor.

Ini menjadikan pusat bandar Klang mempunyai hasil peninggalan bangunan - bangunan lama peninggalan sejarah yang mempunyai nilai - nilai estetik seterusnya sebagai tarikan pelancong ke tempat ini

**Heritage and Conservation Tour Map**

A Story Map

The map shows a walking tour route through the historical areas of Klang, marked with numbered pins corresponding to points of interest listed below:

- 1. Stesen KTM Klang
- 2. Chong Kok Kopitiam
- 3. KTM TLUK Asam
- 4. Chennai Silk Palace
- 5. Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz
- 6. Taman Bandar Diraja Klang
- 7. Sri Nagara Thandayudhapani Hindu Temple
- 8. Galeri Persekitaran Pusat Sains Kota
- 9. Spearmen
- 10. Sekolah Kebangsaan Klang
- 11. Stadium Padang Sultan Sulaiman
- 12. Jalan Tengku Kelana
- 13. Kel...

Inset photos show the exterior of the Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz and a view of the surrounding area.



Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

*Klang, 15 Oktober 2022 – Jejak Warisan Klang raih perhatian pengunjung dari Full Gospel Tabernacle (FGT), UEP Subang Jaya. Seramai 20 orang peserta telah menyertai aktiviti pelancongan ke lokasi Jejak Warisan Bandar Diraja Klang.*

Lawatan tersebut dikendalikan oleh Tourism Selangor dengan kerjasama MPK telah membawa mereka ke lokasi-lokasi bersejarah di sekitar Klang.

Rombongan FGT ini telah dibawa Unit Pelancongan Jabatan Kemasyarakatan MPK ke Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Balai Bomba Klang, Kelab Diraja Klang dan Istana Alam Shah.



## Lawatan Jejak Warisan Klang

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

*Klang, 14 Oktober 2022 – Sekumpulan pelajar daripada Management & Science University (MSU) telah berkunjung ke Klang dalam satu Edisi Khas Royal Klang Heritage Walk (RKTHW) yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Produk dan Pakej Tourism Selangor.*

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama MPK di bawah program pelancongan ke lokasi-lokasi Jejak Warisan Bandar Klang.

Pelajar-pelajar jurusan Bachelor & Diploma in Hospitality and Tourism Management MSU telah dibawa ke Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Gedung Sutera Chennai, Kelab Diraja Klang, Balai Bomba Klang, Gedung Raja Abdullah dan pusat perniagaan India Jalan Tengku Kelana.

Turut bersama adalah Puan Normah Zainul Abideen, Pengarah Kemasyarakatan MPK dan Nalini a/p Velayutham dari Unit Pelancongan, Jabatan Kemasyarakatan MPK.



## Kunjungan ke Tanjak dan Busana Butik Ezah

*Laporan dan foto: Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza*

**Klang, 19 Oktober 2022** – Dalam usaha mendapatkan cenderahati tradisional, Kurator MPK, Faisal Surani telah mengunjungi Tanjak & Busana Butik Ezah yang beroperasi di Pelabuhan Klang, Selangor.

Pemilik butik yang juga pasangan suami isteri iaitu Dr. Norezah Abdul Aziz dan suami, Dr. Rahman Tan merupakan pembekal dan penjual produk busana warisan budaya Melayu di samping menjalankan jual beli peralatan tradisional.

Pada masa yang sama Dr Norezah merupakan Pengurus Pertubuhan Seni Warisan dan Adat Melayu (SWAM).

Semasa kunjungan tersebut, Kurator telah memaklumkan hasrat MPK untuk mendapatkan busana tradisional Melayu yang dijual di butik tersebut sebagai cenderahati MPK.

Produk rantai kunci tanjak dan tengkolok perhiasan dalam peti kaca telah dipilih untuk dijadikan sebagai cenderahati MPK khas untuk orang kenamaan.



## Lawatan SMK Pendamaran Jaya

Klang, 17 Oktober 2022 – Pejabat Kurator pagi ini telah menerima kunjungan hormat daripada pentadbir dan guru-guru kanan Sekolah Menengah Kebangsaan Pendamaran Jaya.

Rombongan diketuai oleh Encik Md Rizal Liamen, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SMK Pendamaran Jaya, berhajat untuk berkolaborasi dengan MPK dalam mendapatkan maklumat sejarah Pendamaran sebagai persediaan Pertandingan Penilaian Anugerah Pusat Sumber Sekolah Cemerlang Negeri Selangor di mana SMK Pendamaran Jaya telah terpilih sebagai wakil daerah Klang.

Bagi mencapai tujuan tersebut, pihak sekolah berhasrat untuk mendapatkan bantuan dan maklumat daripada Kurator MPK, Faisal Surani, tentang bahan-bahan yang tepat serta bersesuaian bagi Koleksi Keistimewaan Setempat di Pusat Sumber Sekolah.

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza



## Pelajar Universiti Malaya Lapor Diri Latihan Praktikal



Klang, 3 Oktober 2022 – Pagi ini seorang pelajar Jabatan Sejarah Universiti Malaya melapor diri untuk latihan praktikal di jabatan Komunikasi Korporat MPK.

Muhammad Ikhwan bin Wahidon telah diletakkan di bawah seliaan Encik Faisal Surani, Kurator MPK di Pusat Sumber MPK mulai 6 Oktober 2022.

Beliau akan dibimbang dan akan membantu Kurator MPK dalam tugas-tugasnya dalam bidang berkaitan penyelidikan sejarah, warisan, penguatkuasaan serta pemuliharaan tapak sejarah di Klang dan tugas-tugas sebagai Pegawai Penyelidik Sejarah.

## Kunjungan Pelajar Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

*Klang, 5 Oktober 2022 – Pejabat Kurator telah menerima kunjungan seorang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang sedang menjalankan penyelidikan di peringkat Sarjana mengenai sejarah Pelabuhan Klang.*

Nur Izzati Nazihah sebelum ini telah mengambil Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan menyambung pengajian di peringkat Sarjana didorong oleh minat yang mendalam terhadap ilmu dan kajian sejarah.



Justeru itu, kunjungan ini bertujuan mendapatkan maklumat dan menjalankan temu bual bersama Kurator MPK, Faisal Surani sebagai orang sumber yang menjadi rujukan dalam kajian Sarjana.

Kurator MPK telah memberi penerangan tentang sejarah Pelabuhan Klang daripada tempoh masa kajian dan menunjukkan lokasi-lokasi yang meliputi kawasan kajian. Sesi temu bual ini dalam kajian sejarah dikenali sebagai sejarah lisan.

## Diskusi Logo Bandaraya Diraja Klang

*Klang, 3 Oktober 2022 – Bagi mendapatkan input dan pandangan lain tentang cadangan reka bentuk logo Bandaraya Diraja Klang, satu diskusi telah diadakan di pejabat Kurator MPK pagi ini.*

Diskusi ini telah dihadiri Ts Dr Sharyzee Mohmad Shukri dari ICOMOS Malaysia, Encik Abdul Rahman Haji Awang Deris, cucu kepada Pawang Diraja Haji Shawal @ Awaluddin Haji Yusuf dan Kurator MPK, Faisal Surani.

Perbincangan berkisar kepada unsur dan elemen Diraja Selangor yang terdapat di istana seperti alat-alat kebesaran Diraja Selangor serta Dato' Besar Empat Suku Selangor, mahkota serta tanjak Diraja Selangor, motif bunga tanjung, motif ukiran kayu Masjid Diraja Sultan Suleiman, lambang kepala naga dan lancang kuning.

Setiap elemen atau unsur telah diberikan pertimbangan dan justifikasi dari segi nilai serta kesesuaianya bagi melambangkan ciri unik yang khusus bagi Bandaraya Diraja Klang dan tidak terdapat pada Bandar Diraja lain.



## Laman Jawi / لامن جاوي

### Transliterasi Surat:

### *Surat Tengku Panglima Besar Selangor kepada Francis Light memaklumkan barang dagangan yang dihantar*

بِلَوَابِنْ سُورَةٌ لَوْ لَسْرَدَانْ أَخْلَاصَ  
نَقْتُو فَعْلَمَ بَسَرْ بَيْغَ دَالْمَنْدَرِي سَلَادُورَ  
دَائِعَ كَذَ صَاحِبَتْ كَبَتْ سَنْبُورَ كُورَ نَدَدَ  
بَيْغَ اَحْسَانَ اَبَتْ فَدَلَلَ نَكَرَ يَدَ سَهَرَ اَبَرَسَرَ



*Cap mohor:*

Tengku Panglima Besar Syed Jaafar bin Hasan

Wa al-qamar  
Nur al-Shams

Bahawa ini surat tulus dan ikhlas serta putih hati yang amat hening dan jernih, iaitu daripada Tengku Panglima Besar yang di dalam negeri Selangor, barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya datang kepada sahabat kita Senyur Gurnador yang memerintahkan Pulau Pinang dan sangatlah masyhur warta yang ihsan itu pada segala negeri di Timur itu serta memelihara segala dagang senteri yang keluar masuk serta duduk dengan sihat dan afiat ala al-dawam, amin ya rab al-alamin, wa ba'dahu.

Kemudian daripada itu barang mafhum kiranya sahabat kita, sebab pun maka kita melayangkan secarik kertas ini adalah pencalang yang dibawa Ismail anak tuan imam itu serta modalnya dibawanya itu, pertama2 mata rial tiga ratus lima puluh rial dan lagi kain asahan putih lima kayu, modalnya sepuluh rial lima kayu itu, dan lagi kain bugis halus dua helai, modalnya lima belas rial dua helai itu, dan lagi tetuli berkepala emas sekodi, modalnya dua puluh rial sekodi itu, dan lagi tetuli perak selalu tiga puluh batang jadi tengah dua kodi, modalnya sekodi lima belas rial, jumlahnya dua puluh dua rial, modalnya yang tiga puluh batang itu menjadi jumlah

sekalian modal dalam pencalang itu empat ratus tujuh belas rial 417. Dan lagi lela tembaga sepucuk dan rentaka besi sepucuk dan senapang enam pucuk lengkap dengan ubat pelurunya itu. Adapun harta itu, perahu dengan modalnya dan senjatanya sekalian itu isteri kita yang empunya, dia sekarang isteri kita itu sudahlah mati.

Maka inilah kita minta tolong kepada sahabat kita itu sehari sampai surat kita ini kepada Senyur Gurnador itu, hari itu juga sahabat kita tolong ambilkan modalnya dengan senjatanya dan perahu itu pun sahabat kita tahankanlah, janganlah dilepaskan ia belayar ke sana sini lagi, melainkan kepada sahabat kitalah kita wakilkan mutlak akan menerima dan mengambil harta serta dengan perahu sekalian itu daripada tangan Ismail itu, karena kita pun dalam bulan Zulkaedah ini juga belayar ke Pulau Pinang bersama2 Mahbub sekali hendak bertemu2 serta hendak melihat2 negeri tempat sahabat kita. Maka satu pun tiada, hanyalah doa siang dan malam kita punya tabik banyak2 kepada sahabat kita Senyur Gurnador Pulau Pinang itu.

Tamat.

Diperbuat surat ini kepada sepuluh hari bulan Zulkaedah, hari Selasa. Intaha al-kalam. [MS 40320/3]

Sumber dan Transliterasi Jawi:  
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

## Tafsiran Bidang Warisan

Bahagian Warisan Tidak Ketara adalah suatu bidang Warisan yang menjadi keutamaan yang merangkumi sesuatu Warisan yang ‘bukan benda’ untuk dinikmati oleh pancaindera manusia. Tegasnya, Warisan Tidak Ketara bermakna sesuatu perbuatan atau gerak-geri manusia yang boleh dilihat, disentuh, dirasai, dihidu atau didengari ketika ia dilakukan atau wujud tetapi tidak lagi dapat dinikmati apabila ia tiada atau tamat.

Akta Warisan Kebangsaan 2005, menafsirkan bahawa Warisan Tidak Ketara adalah termasuk mana-mana bentuk ungkapan, bahasa, sebutan lidah, pepatah, lagu melalui muzik, not, lirik, boleh didengar, nyanyian, lagu rakyat, tradisi lisan, puisi, tarian, lakonan melalui seni pentas, persembahan teater, pengubahan bunyi dan muzik, seni mempertahankan diri, yang telah wujud atau wujud berhubung dengan Warisan Malaysia atau mana-mana bahagian Malaysia atau berhubung dengan Warisan masyarakat Malaysia.

## Kenali Warisan

Arkeologi bawah air merupakan satu disiplin melibatkan kajian saintifik mengenai sejarah peninggalan manusia yang terdampar di dasar laut, sungai ataupun tasik. Penyelidikan ini boleh dibahagikan oleh beberapa sub-disiplin yang berkait rapat dengan perkembangan budaya, peninggalan teknologi, sejarah maritim dan kisah manusia yang karam dan perlu di kaji dan dinilai sebagai asas pembentukan tamadun manusia.

Arkeologi maritim, arkeologi samudera dan arkeologi air tawar merupakan sub-disiplin utama dalam kajian arkeologi bawah air yang menjadikannya amat menarik diterokai. Ini kerana teknik dan metodologi yang digunakan menggabungkan kebenaran saintifik, fizikal, teori dan pemikiran dan catatan sejarah lalu yang membongkar cerita sebenar di sebalik rahsia tersembunyi hingga kapal karam tersebut terdampar di dasar sungai, tasik atau laut.



Merujuk kepada Seksyen 2, Akta Warisan Kebangsaan 2005, tafsiran warisan kebudayaan di bawah air ertiannya segala kesan kewujudan manusia yang mempunyai sifat kebudayaan, sejarah atau arkeologi yang sebahagiannya atau keseluruhannya di bawah air, berkala atau berterusan selama sekurang-kurangnya satu ratus tahun. Contoh:

- tapak, struktur, bangunan, artifak dan peninggalan manusia, bersama-sama dengan konteks arkeologi dan semula jadinya;
- kapal, pesawat udara, kenderaan lain atau mana-mana bahagiannya, kargo atau kandungan lainnya, bersama-sama dengan

- konteks arkeologi dan semula jadinya; dan
- objek bersifat prasejarah;

Bidang ini merupakan disiplin baru di Malaysia dan perlu diperkembangkan agar segala khazanah warisan kapal karam ini dapat dikaji dan direkodkan sebaik mungkin. Kecurian artifak kapal karam merupakan isu utama yang hangat dibincangkan di UNESCO yang berpunca dari ketamakan manusia tanpa memikirkan nilai warisannya. Usaha JWN untuk memulihara dan memelihara warisan ini diharap dapat memberi sinar kecemerlangan ke atas sumber persejarahan maritim negara.